

22 FEB 2003

NAM-FORUM PERNIAGAAN/I

FORUM PERNIAGAAN NAM TUMPU PADA ISU EKONOMI BERSAMA

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Anggota-anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), yang berada di Kuala Lumpur bagi menghadiri Sidang Kemuncak NAM ke-13, buat pertama kalinya akan membincangkan isu-isu ekonomi bersama pada satu forum perniagaan dan, dalam proses tersebut, menggunakan potensi pergerakan berkenaan dalam senario perdagangan dan pelaburan dunia.

Sekiranya 116 negara anggota pergerakan itu menggunakan sumber-sumber ekonomi yang mereka ada secara berkesan dan bersatu, NAM boleh memainkan peranan penting dalam perkara-perkara berhubung ekonomi dunia dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), malah barangkali mungkin boleh memperbetulkan ketidak seimbangan dalam proses membuat keputusan berkaitan isu-isu perdagangan dan pelaburan yang kini dikuasai oleh negara-negara Utara.

Pendekatan secara kolektif ke arah menggalakkan hubungan komersil di kalangan anggota NAM akan banyak membantu dalam mempereratkan kerjasama Selatan-Selatan dan meningkatkan taraf negara-negara miskin dalam pergerakan berkenaan.

Perdagangan antara Malaysia dan negara-negara anggota NAM yang lain dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu begitu menggalakkan dengan jumlah dagangan meningkat daripada RM61 bilion pada 1992 kepada RM194.7 bilion pada 2002.

Eksport pada tahun 2002 bernilai RM115.4 bilion manakala import bernilai RM79.3 bilion.

Forum Perniagaan NAM mengenai Kerjasama Selatan-Selatan akan diadakan selama dua hari di Sunway Lagoon Resort Hotel bermula esok. Ia dianjurkan oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Persatuan Selatan-Selatan Malaysia (MASSA).

Malaysia menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak NAM ke-13 yang sedang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Sebagai pengerusi, Malaysia akan menyelaras kegiatan-kegiatan pergerakan itu selama tiga tahun sehingga Sidang Kemuncak Ke-14 diadakan di Cuba pada tahun 2006.

Forum Perniagaan NAM, yang diadakan seiringan dengan Sidang Kemuncak NAM itu bertujuan memperkukuhkan kerjasama perniagaan dan ekonomi di kalangan negara-negara Selatan.

Forum itu akan membincangkan isu, cabaran dan prospek yang timbul ekoran globalisasi. Ia juga akan memberi tumpuan kepada cara-cara sektor swasta boleh menyumbang ke arah merapatkan jurang pembangunan digital.

Antara pemimpin-pemimpin yang akan menghadiri Forum itu ialah Presiden Afrika Selatan, Thabo Mvuyelwa Mbeki; Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee; Presiden Indonesia, Megawati Soekarnoputri, Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra; Presiden Cuba, Fidel Castro; Naib Presiden, Ghana Alhaji Aliu Mahama dan Menteri Kewangan dan Ekonomi Negara Sudan, Alzubair Ahmed Elhassan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menyampaikan ucap tama pembukaan beliau bertajuk "Membina Orde Baru Dunia - Mengekalkan Keamanan, Berkongsi Kemakmuran Dunia".

Ini diikuti oleh Sesi Khas Pemimpin NAM bertema, "Mencipta Semula NAM, Mempertingkatkan Kerjasama, Membina Jambatan" yang akan disertai oleh Mbeki, Vajpayee, Megawati dan Thaksin.

Antara tokoh-tokoh korporat yang akan menghadiri forum itu ialah Presiden-Pengarah PT Bank Rakyat Indonesia, Rudjito; Naib Presiden Kanan dan Pengarah Satyam Computer Services Ltd, K.Thiagarajan; Pengerusi Asia Deutche Bank Asia Pasifik, Hubert Neiss; Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz; Pengerusi Kumpulan AmBank, Tan Sri Azman Hashim; Pengerusi Tenaga Nasional Berhad, Datuk Dr Awang Adek Hussin; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia, Datuk Dr Arif Nun dan Ketua Eksekutif/Pengarah Urusan Commerce International Merchant Bankers Berhad (CIMB), Mohamed Nazir Abdul Razak. -- BERNAMA

SM MKO KY NHD